



Singapore Examinations and Assessment Board

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education
Advanced Level (2022)**

**H2 Malay Language and Literature
Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2
(Syllabus 9573)**

KANDUNGAN

	<i>Halaman</i>
TUJUAN	3
HASIL PEMBELAJARAN	3
OBJEKTIF PENILAIAN	4
FORMAT PEPERIKSAAN	5
JADUAL PENGKHUSUSAN	7
RUBRIK PEMARKAHAN	9

TUJUAN

Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 GCE Peringkat Lanjutan bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan pelajar dalam bidang bahasa dan kesusasteraan berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu H2 Peringkat Lanjutan, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) menulis esei yang tersusun untuk menggambarkan acara dan pengalaman atau esei yang mampu memperkukuh sudut pandangan berlandaskan alasan-alasan dan bukti-bukti yang relevan;
- (b) menunjukkan pemahaman terhadap teks yang dibaca dan memberikan respons yang sesuai dan jelas;
- (c) memberikan respons terhadap aspek tatabahasa dan kosa kata;
- (d) memberikan maklum balas terhadap topik-topik yang baharu bagi pelajar dan menjelaskan sudut pandangan melalui forum, blog dan sebagainya;
- (e) membuat inferens berdasarkan penelitian teks yang pelbagai dan membuat ulasan terhadap jenis-jenis teks yang berbeza seperti puisi, lidah pengarang dan sebagainya;
- (f) mengenal pasti kandungan teks sastera daripada pelbagai genre dan menganalisisnya berdasarkan aspek-aspek kesusasteraan;
- (g) memberikan respons secara analitik, kritikal dan kreatif terhadap bahan sastera; dan
- (h) membandingkan bahan sastera berdasarkan aspek-aspek kesusasteraan.

HASIL PEMBELAJARAN

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 2014 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pengajian prauniversiti kursus Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 GCE Peringkat Lanjutan, pelajar harus berupaya untuk:

- (a) memahami teks-teks bertulis dan yang dituturkan tentang topik-topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia;
- (b) membuat penyampaian yang koheren dengan menggunakan julat kosa kata yang luas, struktur ayat yang pelbagai, sebutan yang jelas dan tepat serta intonasi yang semula jadi dan ekspresif tentang topik-topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia;
- (c) menulis teks dengan menggunakan julat kosa kata yang luas, struktur susunan dan ayat yang pelbagai tentang topik-topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia;

- (d) berinteraksi secara lisan secara bergiliran dengan semula jadi, spontan dan fasih dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang tepat tentang topik-topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia, dengan menggunakan julat kosa kata yang baik dan struktur ayat yang pelbagai;
- (e) berinteraksi dengan sewajarnya melalui penulisan tentang topik-topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia serta menggunakan julat kosa kata yang luas dan struktur ayat yang pelbagai;
- (f) menghargai dan menghayati karya sastera melalui analisis teks berdasarkan aspek-aspek kesusasteraan seperti tema, persoalan, gaya bahasa, teknik penulisan, dan unsur bunyi;
- (g) memahami dan menghayati unsur-unsur dan nilai-nilai murni dari segi moral, kebudayaan, kemasyarakatan, kenegaraan dan kemanusiaan yang terdapat dalam teks sastera; dan
- (h) membandingkan mutu karya sastera dengan mengenal pasti keistimewaan dan ciri-ciri penulisan yang terdapat dalam sesebuah karya sastera.

OBJEKTIF PENILAIAN

Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 GCE Peringkat Lanjutan bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan pelajar dalam bidang bahasa dan kesusasteraan berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 Peringkat Lanjutan, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) menulis esei yang tersusun untuk menggambarkan acara dan pengalaman atau esei yang mampu memperkukuh sudut pandangan berlandaskan alasan-alasan dan bukti-bukti yang relevan;
- (b) menunjukkan pemahaman terhadap teks yang dibaca dan memberikan respons yang sesuai dan jelas;
- (c) memberikan respons terhadap aspek tatabahasa dan kosa kata;
- (d) memberikan maklum balas terhadap topik-topik yang baharu bagi pelajar dan menjelaskan sudut pandangan melalui forum, blog dan sebagainya;
- (e) membuat inferens berdasarkan penelitian teks yang pelbagai dan membuat ulasan terhadap jenis-jenis teks yang berbeza seperti puisi, lidah pengarang dan sebagainya;
- (f) mengenal pasti kandungan teks sastera daripada pelbagai genre dan menganalisisnya berdasarkan aspek-aspek kesusasteraan;
- (g) memberikan respons secara analitik, kritikal dan kreatif terhadap bahan sastera; dan
- (h) membandingkan bahan sastera berdasarkan aspek-aspek kesusasteraan.

FORMAT PEPERIKSAAN

Format peperiksaan bagi Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H2 Peringkat Lanjutan terbahagi kepada:

KERTAS 1: KARANGAN DAN PENGGUNAAN BAHASA DAN KEFAHAMAN – 70 markah (35%)

Kertas 1 terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian 1 dan Bahagian 2.

BAHAGIAN 1: Karangan (35 markah)

Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan tentang salah satu topik yang diberikan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 15 minit. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.

BAHAGIAN 2: Penggunaan Bahasa dan Kemahaman (35 markah)

Bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian; Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab kesemua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam. Calon tidak dibenarkan menggunakan kamus bagi bahagian ini.

- **Bahagian A: Melengkapkan Teks (5 markah)**

Calon dikehendaki melengkapkan teks dengan memberikan perkataan-perkataan yang paling sesuai mengikut konteks petikan karangan.

- **Bahagian B: Kefahaman dan Kosa Kata (30 markah)**

Calon dikehendaki menjawab empat soalan kefahaman dan soalan kosa kata.

KERTAS 2 (E-peperiksaan): KEFAMAHAAN DAN KOMENTARI – 30 markah (15%)

Calon dikehendaki menjawab tiga soalan kefahaman dan menulis komentari yang panjangnya tidak melebihi 160 patah perkataan berdasarkan dua teks sumber yang diberikan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam.

KERTAS 3: SASTERA – 100 markah (50%)

Kertas 3 terbahagi kepada empat bahagian; Bahagian A (Novel), Bahagian B (Cerpen), Bahagian C (Sajak) dan Bahagian D (Drama). Calon dikehendaki menjawab empat soalan kesemuanya, SATU soalan daripada Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Soalan-soalan dalam kertas ini berbentuk *open book*. Calon dibenarkan merujuk kepada buku-buku teks yang telah ditetapkan. Masa yang diperuntukkan ialah 3 jam.

BUKU TEKS YANG DITETAPKAN

BAHAGIAN A: NOVEL

- ***Jendela Menghadap Jalan (Edisi Murid)*** oleh Rohaini Matdarin (Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur)

BAHAGIAN B: CERPEN

- ***Begitulah Kata-kata*** editor Sae'da Buang (Marshall Cavendish Education, Singapore)
 - Yang* oleh Jamal Ismail
 - Si Malang Jalang* oleh Saedah Saad
 - Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti* oleh Basiran Haji Hamzah
 - Pertemuan* oleh Isa Kamari
 - Jago* oleh Ahmad Jaaffar Munasip
 - Ruang* oleh Ismail Wardi

BAHAGIAN C: SAJAK

- ***Begitulah Kata-kata*** editor Sa'eda Buang (Marshall Cavendish Education, Singapore)
 - Pendakian* oleh Mohd Taha Jamil
 - Api* oleh Mohamed Latiff Mohamed
 - Begitulah Kata-kata* oleh Masuri S. N.
 - Betapapun Gerak Cepat Kehidupan akan Kususuri Landasan ini* oleh Ahmad Mohd Tahir
 - Dalang: Episod Tiga* oleh Rasiyah Halil
 - Pustakaku Dalam Remang Senja* oleh Sa'eda Buang
 - Balada Merdeka* oleh Peter Augustine Goh
 - Tanda Tangan* oleh Noridah Kamari
 - Menjaring Mentari Hidupku* oleh Abdul Kadir Pandi
 - Anak Tetangga Kelantan Lane* oleh Kamaria Buang

BAHAGIAN D: DRAMA

- ***Begitulah Kata-kata*** editor Sae'da Buang (Marshall Cavendish Education, Singapore)
 - Anjing untuk Diplomat* oleh Hamed Ismail
 - Cahaya di Hujung Senja* oleh M. Saffri A. Manaf
 - Titik Pertemuan* oleh Rohman Munasip

JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Catatan
KERTAS 1 (1 jam 15 minit)	Bahagian 1: Karangan <ul style="list-style-type: none"> • Naratif • Deskriptif • Argumentatif • Rangsangan Grafik 	Respons bebas	4 (Jawab 1)	35 (17.5%)	Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan. Calon dibenarkan menggunakan kamus yang diluluskan.
	Bahagian 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman				
	<u>Bahagian A</u> Melengkapkan Teks	Respons Bebas	5 (5)	5 (2.5%)	Calon dikehendaki mengisi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman dan Kosa Kata	Respons Bebas	5 (5)	30 (15%)	Calon dikehendaki menjawab empat soalan kefahaman dan soalan kosa kata.
KERTAS 2 (Peperiksaan-e) (1 jam)	Kefahaman Dan Komentari	Respons Bebas	4 (4)	30 (15%)	Calon dikehendaki menjawab tiga soalan kefahaman berdasarkan dua teks sumber. Calon dikehendaki menulis komentari yang panjangnya tidak melebihi 160 patah perkataan berdasarkan dua teks sumber.
	<i>Subtotal</i>		<i>18 (15)</i>	<i>100 (50%)</i>	

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Catatan
KERTAS 3 (3 jam)	Bahagian A: Novel	Respons Bebas	2 (1)	25 (12.5%)	Calon dikehendaki untuk menjawab empat soalan; satu soalan daripada setiap bahagian.
	Bahagian B: Cerpen	Respons Bebas	2 (1)	25 (12.5%)	
	Bahagian C: Sajak	Respons Bebas	2 (1)	25 (12.5)	
	Bahagian D: Drama	Respons Bebas	2 (1)	25 (12.5)	
	<i>Subtotal</i>		8 (4)	100 (50%)	
	Total		26 (19)	200 (100%)	

RUBRIK PEMARKAHAN

KERTAS 1: BAHAGIAN 1 (KARANGAN)

ISI: 17 markah

BAND	MARKAH	PENERANGAN
1	14 - 17	<ul style="list-style-type: none"> • isi sangat relevan • isi amat mencukupi • isi sangat menarik • isi diperluas dengan baik sekali dan meyakinkan • keaslian dalam penulisan • imaginatif dan kreatif <p><i>(Hasil kerja calon dalam band ini hendaklah menunjukkan perincian yang bermakna atau maklumat yang luas atau ilustrasi yang sesuai.)</i></p>
2 (ATAS)	11 - 13	<ul style="list-style-type: none"> • isi sangat relevan • isi mencukupi • isi menarik • isi diperluas dengan baik dan meyakinkan • keaslian dalam penulisan • imaginatif dan kreatif <p><i>(Kebanyakan hasil kerja calon dalam band ini boleh jadi panjang, logik, tersusun rapi tetapi tidak banyak yang menarik (original), yang lain mungkin menarik (original) tetapi tidak dapat bertahan atau seimbang seperti skrip-skrip Band 1.)</i></p>
2 (BAWAH)	9 - 10	<ul style="list-style-type: none"> • isi relevan • isi mencukupi • kebanyakan isi diperluas dan meyakinkan • masih menarik/masih asli • imaginatif dan kreatif
3 (ATAS)	6 - 8	<ul style="list-style-type: none"> • isi masih relevan • isi memadai • isi tidak banyak diperluas dengan baik • penulisan tidak begitu menarik/tidak begitu asli • kurang imaginatif dan kreatif
3 (BAWAH)	4 - 5	<ul style="list-style-type: none"> • isi kurang relevan • isi tidak mencukupi • isi tidak diperluas dengan baik/tidak tersusun dan terputus-putus/terdapat pengulangan • penulisan tidak menarik/tidak asli • tidak imaginatif dan kreatif/idea terputus-putus dan tidak dapat disampaikan dengan jelas serta terdapat kesamaran
4	1 - 3	<ul style="list-style-type: none"> • isi kurang relevan, kabur dan samar • isi tidak mencukupi dan sangat cetek • isi tidak diperluas dengan baik/tidak tersusun dan terputus-putus/terdapat pengulangan • penulisan tidak menarik/tidak asli • tidak imaginatif dan kreatif/idea terputus-putus dan tidak dapat disampaikan dengan jelas serta terdapat kesamaran

BAHASA: 18 markah

BAND	MARKAH	PENERANGAN
1	15 - 18	<ul style="list-style-type: none"> • susunan dan pemerenggan amat baik • kebolehan linguistik cemerlang • tidak terdapat kesilapan besar, sedikit sekali kesilapan kecil • menunjukkan kejituan dan kepelbagaian kosa kata • menggunakan ayat-ayat kompleks dengan berkesan/struktur ayat tepat dan cemerlang
2 (ATAS)	12 - 14	<ul style="list-style-type: none"> • susunan dan pemerenggan baik • kebolehan linguistik sangat baik • terdapat sedikit kesilapan besar dan kesilapan kecil • kepelbagaian kosa kata • menggunakan ayat-ayat kompleks dengan berkesan/struktur ayat yang tepat tetapi tidak semestinya cemerlang
2 (BAWAH)	10 - 11	<ul style="list-style-type: none"> • susunan dan pemerenggan memadai • kebolehan linguistik baik • terdapat beberapa kesilapan besar dan kesilapan kecil • kepelbagaian kosa kata terhad • menggunakan ayat-ayat kompleks yang bebas daripada ulangan yang membosankan/struktur ayat sederhana sahaja
3 (ATAS)	7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> • susunan dan pemerenggan sederhana • kebolehan linguistik sederhana • terdapat agak banyak kesilapan besar dan kesilapan kecil • penggunaan kosa kata terhad • ayat pada umumnya pendek; terdapat beberapa ayat kompleks
3 (BAWAH)	5 - 6	<ul style="list-style-type: none"> • pemerenggan lemah • kebolehan linguistik lemah • banyak kesilapan tatabahasa dan sintaksis • terdapat kesilapan dalam kosa kata asas dan ungkapan-ungkapan yang mudah-mudah • bahasa dan struktur ayat mudah-mudah sahaja/struktur ayat yang tidak lengkap
4	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> • pemerenggan amat lemah • kebolehan linguistik amat lemah • banyak kesilapan tatabahasa dan sintaksis • banyak kesilapan dalam pelbagai kosa kata asas dan ungkapan-ungkapan yang mudah-mudah • banyak kesilapan dalam pelbagai aspek

KERTAS 2 (KOMENTARI)**ISI: 10 markah**

BAND	MARKAH	PENERANGAN
1	8 - 10	<ul style="list-style-type: none"> • sangat relevan • mencukupi • isi diperluas dengan baik dan meyakinkan
2	4 - 7	<ul style="list-style-type: none"> • relevan • agak mencukupi • isi diperluas tetapi kurang meyakinkan
3	1 - 3	<ul style="list-style-type: none"> • kurang relevan • tidak mencukupi • isi tidak diperluas

BAHASA: 5 markah

BAND	MARKAH	PENERANGAN
1	5	<ul style="list-style-type: none"> • tersusun rapi dan pemerengganannya amat baik • kebolehan linguistik amat baik • tidak mengandungi kesalahan tatabahasa • kepelbagaian yang luas dari segi penggunaan kosa kata yang sesuai, struktur ayat dan penanda wacana
2	3 - 4	<ul style="list-style-type: none"> • susunan dan pemerengganannya baik • kebolehan linguistik baik • terdapat sedikit kesalahan tatabahasa • kosa kata, struktur ayat dan penanda wacana sesuai tetapi tidak semestinya menonjol
3	1 - 2	<ul style="list-style-type: none"> • susunannya munasabah dan terdapat pemerenggan • kebolehan linguistik lemah • terdapat banyak kesalahan tatabahasa • kosa kata, struktur ayat dan penanda wacana kurang sesuai

KERTAS 3 (KESUSASTERAAN)

BAND	PENERANGAN
<p style="text-align: center;">1 (22-25)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • jawapan yang cemerlang; menunjukkan diskriminasi dan kadangkala keaslian dalam membuat respons yang kritikal terhadap teks • membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks • menilai kesan bentuk, gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis secara matang dan memfokus pada soalan dan isu penting yang dibincangkan • mengembangkan hujah/isi yang diperlukan oleh soalan dengan terperinci dan padat serta memberikan isi yang amat relevan • menunjukkan pemahaman yang sofistikated terhadap konteks teks yang diuji dari segi masa, tema, genre, sejarah • memberikan sokongan yang terperinci dan rujukan yang berkaitan dengan teks; menggunakan nukilan, parafrasa dan peristilahan yang kritikal dengan tepat • jawapan dalam band ini merupakan jawapan yang sensitif dan tajam daya tanggapan terhadap soalan serta dari sudut peribadi; jawapan biasanya halus, ringkas lagi padat, sofistikated dengan menggunakan gaya yang lancar dan dapat mengutarakan idea yang kompleks
<p style="text-align: center;">2 (ATAS) (18-21)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • jawapan yang baik; menunjukkan respons peribadi yang kritikal dan berpengetahuan terhadap teks • membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks • menilai kesan bentuk, gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis secara matang dan memfokus pada soalan dan isu penting yang dibincangkan • mengembangkan hujah/isi yang diperlukan oleh soalan dengan padat dan memberikan isi yang amat relevan • menunjukkan pemahaman yang baik terhadap konteks teks yang diuji dari segi masa, tema, genre, sejarah • memberikan sokongan yang terperinci dan rujukan yang berkaitan dengan teks; menggunakan nukilan, parafrasa dan beberapa peristilahan yang kritikal dengan tepat • menggunakan gaya yang sentiasa jelas dan selalunya fasih; dapat memberikan ungkapan yang tepat bagi idea yang kompleks

BAND	PENERANGAN
<p style="text-align: center;">2 (BAWAH) (14-17)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • jawapan yang memuaskan; menunjukkan respons peribadi yang kritikal dan berpengetahuan terhadap teks • membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks • menilai kesan bentuk, gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis • mengembangkan respons terhadap soalan dengan teratur • menunjukkan pemahaman yang baik terhadap konteks teks yang diuji - dari segi masa, tema, genre, sejarah • memberikan sokongan yang sesuai daripada teks, sama ada terlalu banyak atau sedikit, menggunakan nukilan, parafrasa dan peristilahan yang kritikal dengan tepat • jawapan dalam band ini menggunakan gaya yang efektif untuk mengetengahkan pengetahuan dan pemahaman terhadap teks dan isu yang diketengahkan oleh teks dan soalan; terdapat kesilapan kecil
<p style="text-align: center;">3 (ATAS) (10-13)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • jawapan yang agak memuaskan, menunjukkan pengetahuan dan respons peribadi calon terhadap teks • membuat analisis tentang cara penulis menggunakan bentuk, struktur dan bahasa untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks • respons yang diberikan kebanyakannya tentang cerita/teks dalam bentuk naratif tetapi ada percubaan untuk menilai kesan penggunaan bentuk dan bahasa penulis; berkemungkinan mengandungi sedikit kesilapan • memberikan respons kepada soalan; kebanyakan masa menggunakan struktur yang mudah; mengandungi sedikit penyimpangan • kadangkala menunjukkan pemahaman terhadap konteks teks yang diuji - dari segi masa, tema, genre, sejarah • isi yang diberikan disokong dengan contoh daripada teks, nukilan dan parafrasa yang kebanyakannya sesuai; kemungkinan menggunakan peristilahan yang kritikal tetapi kadangkala terdapat kesilapan • jawapan dalam band ini menggunakan gaya yang biasa untuk mengemukakan pengetahuan dan pemahaman terhadap teks; isu/isi yang dikemukakan agak kabur

BAND	PENERANGAN
<p style="text-align: center;">3 (BAWAH) (6-9)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • jawapan agak genjut; cuba memberikan respons terhadap teks dan menunjukkan pengetahuan terhadap teks tersebut • membuat rujukan yang sesuai terhadap penggunaan bentuk, struktur dan bahasa penulis untuk menyampaikan makna/isi yang terkandung dalam teks • terdapat percubaan untuk menilai kesan penggunaan bentuk dan bahasa penulis; berkemungkinan mengandungi sedikit kesilapan • memberikan respons yang sesuai pada mulanya tetapi kemudiannya menyimpang • kadangkala menunjukkan pemahaman terhadap konteks teks yang diuji dari segi masa, tema, genre, sejarah • isi yang diberikan disokong dengan contoh daripada teks; kebanyakannya bergantung pada pernyataan yang diulang; kadangkala menggunakan terlalu banyak nukilan dan parafrasa yang berkemungkinan kurang sesuai • jawapan dalam band ini menggunakan gaya yang mudah untuk menyampaikan pengetahuan dan pemahaman terhadap teks; isu/isi yang dikemukakan agak kabur
<p style="text-align: center;">4 (1-5)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • terdapat percubaan untuk menjawab soalan tetapi merupakan percubaan yang terlalu mudah • jawapan yang diberikan singkat, tidak diolah dan merupakan jawapan berbentuk poin dan bukan yang berbentuk prosa • pernyataan idea mudah, banyak kesilapan teknikal dan jawapan berbentuk naratif dan bukannya analitikal; namun, kadangkala penerangan yang diberikan bermakna